

22 JAN 2001

Kurup-Penggiliran

TIADA MASALAH JIKA PENGGILIRAN KETUA MENTERI DITERUSKAN, KATA KURUP

KOTA KINABALU, 22 Jan (Bernama) -- Presiden Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) Tan Sri Joseph Kurup berkata beliau yakin tidak akan berlaku masalah peralihan kuasa di kalangan parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri ini, sekiranya sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah diteruskan.

"Kalau sistem penggiliran ini diteruskan, dan kalau semua parti komponen BN sepakat... saya berpendapat tidak ada masalah peralihan kuasa," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada majlis rumah terbuka Aidilfitri Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Pandikar Amin Mulia, di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau masih memikirkan sama ada akan mengekalkan sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah.

Bagaimanapun, Kurup berkata PBRS tetap akur dengan apa juga keputusan Perdana Menteri berhubung perkara itu.

"Terserahlah kepada Perdana Menteri untuk memutuskannya," kata beliau apabila ditanya sama ada sistem penggiliran itu akan diteruskan.

"Kalau sistem itu diteruskan... siapa yang dilantik, kita harus menerimanya seperti yang diamalkan sebelum ini.

"Apa yang penting ialah semua parti komponen BN perlu berkerjasama dan seterusnya menumpukan perhatian untuk meningkatkan taraf hidup rakyat, dan apa yang dirancang oleh Ketua Menteri sebelum ini, harus diteruskan," katanya.

Pandikar Amin yang juga Presiden Parti Angkatan Keadilan Rakyat (Akar), ketika ditanya mengenai perkara itu, berkata isu penggiliran jawatan Ketua Menteri boleh diselesaikan melalui rundingan di kalangan parti komponen BN.

Setiausaha BN Sabah Datuk Karim Bujang berkata beliau belum menerima apa-apa arahan untuk mengadakan mesyuarat BN negeri bagi membincangkan isu berkenaan.

Sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri itu dilaksanakan sejak BN mengambil alih tampuk pemerintahan kerajaan negeri pada Mac 1994.

Sistem itu bagi membolehkan pemimpin tiga kaum utama -- Bumiputera Islam, Cina dan Bumiputera bukan Islam -- dilantik sebagai Ketua Menteri secara bergilir, masing-masing bagi tempoh dua tahun.

Beberapa pihak di Sabah kebelakangan ini bagaimanapun menyuarakan pendapat sudah sampai masanya kajian semula dilakukan terhadap sistem itu bagi menilai sama ada ia perlu diteruskan atau sebaliknya.

Jawatan Ketua Menteri kini disandang Datuk Osu Sukam yang mewakili Bumiputera Islam dan jika sistem itu diteruskan, tempoh beliau akan berakhir kira-kira dua bulan dari sekarang.

-- BERNAMA

NT NMO